





"GEJALA DADAH; SEKALI CUBA MERANA SELAMANYA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِل: وَأَنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا تُلَقُواْ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا تُلَقُواْ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلْمُحْسِنِينَ اللَّهُ عَالِمُ اللَّهُ عَلِيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ فِي اللَّهُ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ اللْهُ عَلَيْنَ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ اللَّهُ عَلَيْ عَلَيْ عَلَيْ عَلَيْ الْعَلَيْ عَلَيْ عَلِي اللَّهُ عَلَيْ عَلِي عَلَيْ	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِه أَجْمَعِيْنَ.	3
أُمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُواْ اللَّهَ! أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَاأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسُلِمُونَ اللَّهَ اللَّهَ مَثَسُلِمُونَ اللهَ اللهَ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهَ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهِ عَلَى اللهُ عَلَيْهُ اللهُ عَلَى اللهُ عَلَيْهُ اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُ اللهُهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ اللهُ عَلَى اللهُ ال	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "GEJALA DADAH: SEKALI CUBA MERANA SELAMANYA."	6



Tubuh manusia adalah ciptaan Allah SWT. Ia adalah Sebaik-baik kejadian, sebaik-baik kesempurnaan dan keindahan ciptaan Allah SWT. Oleh itu janganlah disia-siakan dengan dadah, janganlah dizalimi dengan dadah dan janganlah disakiti dengan dadah. Renungkanlah, bahawa kita diciptakan oleh Allah SWT dengan seluruh sifat kesempurnaan sebagai seorang hamba yang dibekalkan dengan akal fikiran yang waras dan anggota badan yang sempurna. Akal yang waras jangan dipandu dengan dadah. Sebaliknya akal yang waras hendaklah dipandu dengan wahyu Ilahi supaya dapat melahirkan tindak tanduk dan perlakuan yang baik dan bertepatan dengan kehendak syariat. Sifat kesempurnaan hamba ini adalah demi mencapai maksud atau tujuan penciptaan manusia iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT bukan hisap dadah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Zariyat ayat 56;

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku." 8

9

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT mencipta manusia supaya menjadi hamba yang sentiasa beribadah kepada-Nya dan menjauhi perkara yang merosakkan diri dan akal iaitu terjerumus dengan najis dadah. Namun jika akal dinafikan kewarasannya dengan hisap dadah, maka akal akan gagal berfungsi untuk memahami dan melaksanakan perintah Allah SWT dan akhirnya akan menzahirkan tindakan yang songsang, mabuk, khayal dan menyalahi tata susila manusiawi yang hakiki.



Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang dibacakan di awal khutbah ini bermaksud:

"Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Melakukan perkara yang merosakkan akal fikiran seperti mengambil dadah adalah diharamkan kerana ia membunuh dan merosakkan akal. Sedangkan akal yang waras adalah pusat taklif iaitu melaksanakan kewajipan ibadah menurut syariat Islam. Akal merupakan mahkota seorang manusia dan ia memiliki nilai yang membezakan antara manusia dan haiwan. Menghilangkan kewarasan akal dengan mengambil dadah bererti telah merosakkan dan menjatuhkan kemuliaan dan ketinggian martabat manusia kepada kerendahan dan kehinaan haiwan.

Islam mewajibkan umatnya menjaga kemuliaan diri, keluarga dan masyarakat dengan menjaga akal yang sentiasa sihat. Ini kerana Islam telah menekankan menjaga lima Maqasid Syariah dan salah satunya adalah dengan menjaga akal fikiran supaya sentiasa waras dan boleh melaksanakan ketentuan hukum syarak dengan baik.

12

11

10



Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menyatakan bahawa statistik penyalah guna dan penagih dadah di Malaysia bagi tahun 2024 adalah seramai 169,691 orang yang menunjukkan peningkatan 31.6% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini amat membimbangkan dan ianya membabitkan 58.8 peratus dalam kalangan peringkat usia 15 hingga 39 tahun dan dikatogerikan golongan dewasa yang sepatutnya sudah mempunyai kehidupan lebih sempurna dan kukuh.	13
Amat malang sekali, jika dilihat rata-rata mereka yang terjebak dengan gejala ketagihan dadah adalah golongan berbangsa Melayu yang beragama Islam iaitu 76.8 peratus, juga golongan artis yang ramai terjebak yang mampu mempengaruhi anak muda melayu Islam.	14
Berpunca daripada dadah yang mungkin hanya ingin mencuba pada awalnya, akhirnya akan membawa kepada kerosakan yang tidak pernah dijangka, akal fikiran menjadi celaru, lemah dan lesu, rumah tangga yang dibina sekian lama boleh musnah sekelip mata, institusi keluarga runtuh tidak semena-mena, jenayah seksual menjadi biasa, lebih parah apabila ia melibatkan pemandu di atas jalanraya yang akan menyebabkan kematian diri dan pengguna jalanraya yang lain.	15
Mengambil dadah jenis sintetik boleh mengundang jenayah kejam termasuk membunuh diri yang semakin kerap dilaporkan media massa. Bahkan lebih daripada itu, orang yang dalam pengaruh dadah sintetik ini juga semakin menular di negara ini boleh membunuh orang lain walaupun ibu atau bapa kandungnya sendiri.	16



Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Thabit bin al-Dhahaq Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda; ومَن قَتَلَ نَفْسَهُ بشيءٍ فِي الدُّنْيا عُذِّبَ به يَومَ القِيامَ	17
"Dan sesiapa yang membunuh dirinya dengan sesuatu di dunia, maka dia akan diseksa dengannya pada hari akhirat. (Riwayat al-Bukhari).	18
Membunuh diri atau membunuh orang lain merupakan satu perbuatan yang tercela di dalam Islam dan hanya dilakukan oleh orang yang tiada kewarasan dalam berfikir. Berita berkaitan anak dalam pengaruh dadah yang sanggup membunuh ibu atau ayahnya, suami membunuh isteri dan anaknya, tidak ketinggalan jiran tetangga turut berasa tidak aman sekiranya ada di suatu kawasan seorang yang ketagihan dadah. Sebelum meninggal dunia lagi mereka telah hidup dalam kehinaan dan menyusahkan orang lain hingga di akhirat kelak mereka dijanjikan azab Allah SWT.	19
Namun bagi kita selaku masyarakat yang prihatin dan penyayang, golongan ini janganlah kita abai dan sisihkan mereka. Didiklah dan bantulah mereka untuk membina semula jati diri yang telah remuk dan musnah, mengukuhkan semula keyakinan diri yang telah hilang, serta membuka semula peluang untuk memperbetulkan kesilapan lampau. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah dan sedang membantu melalui peruntukan dana zakat ar-riqab yang disalurkan kepada 2 Pusat dan 25 Rumah Pemulihan Ar-Riqab MAIS yang berperanan membantu memulihkan dan mengeluarkan golongan penagih dadah daripada terus terjebak dengan belenggu penyalahgunaan dadah.	20



Hakikatnya penagih dadah mampu sembuh jika memiliki niat yang tulus serta keazaman yang tinggi untuk berubah dan bertaubat. Akan tetapi lebih baik jika elakkannya bak pepatah arab ada mengatakan bahawa:

"Mencegah itu lebih baik daripada mengubati".

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

- Umat Islam hendaklah menjauhi dadah kerana ia diharamkan oleh Islam yang mendatangkan bahaya dan kerosakan kepada diri, keluarga, masyarakat, negara dan agama.
- 2. Umat Islam hendaklah menghindari dadah kerana ia merosakkan fungsi akal sehingga menyebabkan mabuk, khayal, ketagih, gangguan tingkahlaku, hilang pertimbangan diri, tiada maruah dan harga diri, tiada nilai hidup, kehidupan tiada erti sehingga seperti 'bangkai bernyawa' yang kematiannya boleh berlaku bila-bila masa dan di mana jua.
- 3. Umat Islam sebagai peneraju keluarga, luangkanlah masa yang berkualiti bersama anak-anak dan pasangan masing-masing, supaya setiap ahli keluarga sentiasa rasa dihargai dan disayangi.
- 4. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT dalam meniti hari-hari mendatang agar kita, pasangan dan zuriat keturunan kita dijauhi daripada terjerumus ke dalam kancah ketagihan dadah yang membunuh jiwa dan merosakkan masa depan.

22

21



أَعُوْذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ أَعُوْذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ اللَّهُ مَانِ السَّالَةِ مَا اللَّهُ مَانِ اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَانِ اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَانِ اللَّهُ مَا اللَّهُ مُ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مُلْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مَا اللَّهُ مِنْ اللّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مُلْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللّهُ مِنْ اللَّهُ مِنْ اللَّهُ مِلَّ اللَّهُ مُلْمُ اللَّهُ مُنْ ال	23
"Orang-orang yang beriman dan beramal soleh, beroleh kebahagiaan yang amat menggembirakan dan tempat kembali yang sebaik-baiknya". (Surah al-Ra'ad: 29).	24
بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ	31



KHUTBAH KEDUA

اَخْتَمْدُلِلَّهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَّا	4
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ،	1
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا	2
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.	2
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ	0
الْمُتَّقُوْنَ.	3
إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَّيِكَتَهُ و يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ يَّأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ	
وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ٥٠	4
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ.	5
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ	٥
وَالْأُمْوَات، إِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	О
اَللَّهُمَّ اصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةً أُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ	



اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَآئِكَ	
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ	7
وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	
جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظِّمِ، سُلْطَان سلاغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس	_
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج.	8
اَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ	
عَهْدِ سلاغُور، تَعْكُو أُمِير شَاه إِبْنِ السُّلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه	9
الحاج،	
فِيْ أَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلالِ وَالإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ	
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظِّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، وَبلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ	10
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	
Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-	11



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.	12
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أُزُوَ جِنَا وَذُرِيَّتِنَا قُرَّةَ أَعُيُنِ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.	13
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزُوَ جِنَا وَذُرِيَّتِنَا قُرَّةَ أَعُيُنِ وَآجُعَلَنَا لِلَمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةَ وَفِي ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةَ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٥٠.	13
	13
رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةَ وَفِي ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةَ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٥٠٠	

فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.